

06/10/2002

Kerajaan akan ambil langkah kurangkan harga ubat HIV/Aids: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengambil beberapa langkah perlu termasuk berbincang dengan syarikat farmasi supaya ubat untuk rawatan penghidap HIV/AIDS dapat dikurangkan harganya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika ini dilakukan ia dapat meringankan beban kewangan pesakit miskin, selain menimbang mengambil langkah menggunakan hak untuk mewajibkan pelesenan dan pengimportan ubatan berkenaan.

"Mungkin banyak pihak tidak suka dengan apa yang kita lakukan ini kerana dianggap tidak menghormati hak harta intelek tetapi apa yang lebih penting ialah nyawa penghidap itu sendiri, daripada keuntungan besar yang dinikmati syarikat besar," katanya pada majlis Red Ribbon Gala 2002, anjuran Yayasan Aids Malaysia (MAF) di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan prihatin dengan masalah Aids kerana sehingga ini lebih 4,000 orang sudah meninggal dunia.

Katanya, 10 tahun lalu penghidap HIV di Malaysia hanya 5,000 orang tetapi sehingga kini jumlahnya meningkat kepada lebih 45,000 orang.

Menurut Dr Mahathir, mereka yang mati meninggalkan balu dan anak yatim serta memberikan masalah kepada waris, dan kematian itu disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai rawatan yang ada serta tidak mampu mendapatkan rawatan.

Beliau berkata, kerajaan gembira kerana tahun lalu, ketua-ketua kerajaan Asean telah mengeluarkan deklarasi mengenai HIV Aids yang turut disertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam proses itu, kedua pihak sedar untuk bekerjasama bagi mengatasi masalah ini dalam usaha untuk melaksanakan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam pencegahan, rawatan dan sokongan moral.

Di Malaysia katanya, kerajaan mengiktiraf peranan dimainkan NGO dalam mengawal jangkitan penyakit itu kerana kita sedar dalam beberapa bidang, keberkesanan kerajaan adalah terbatas.

Dalam menyokong NGO ini, kerajaan memberi perhatian dengan menyediakan peruntukan kira-kira RM40 juta untuk 10 tahun akan datang kepada MAF dan gabungannya untuk melaksanakan program mereka.

Pada majlis itu, seorang sukarelawan Aids, Michael Chow Shuh Yun dipilih menerima Anugerah Siti Hasmah 2002 kerana sumbangannya dalam membantu pesakit Aids. Beliau menerima trofi dan wang tunai RM5,000.

Di majlis itu juga, empat syarikat gergasi masing-masing menyumbangkan R250,000 untuk MAF. Syarikat berkenaan ialah Petronas, DRB-Hicom, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.